



## BERAPA PNGK ANAKANDA SEMESTER LALU?

*A*yahanda ada mendengar anakanda mendakwa bahawa perkhidmatan yang diberikan oleh Pengurusan Universiti dan Kerajaan **tidak** sempurna atau tidak berkualiti tinggi.

### Ayahanda ingin bertanya:

Adakah tuntutan Universiti dan Ibubapa terhadap anakanda yang mahukan anakanda supaya berprestasi tinggi dalam pelajaran dapat anakanda kabulkan? Berapa PNGK yang anakanda perolehi pada peperiksaan semester yang lepas? Kalau anakanda tidak mendapat markah penuh atau PNGK yang tinggi, sedangkan itu adalah tanggungjawab anakanda yang utama sebagai mahasiswa, **maka anakanda sendiri telah gagal untuk menjalankan tugas dengan sempurna.**

Mari kita sama-sama **lihat wajah kita di cermin** dan bersama-sama meningkatkan dan memperbaiki prestasi kita. Jangan kita hanya pandai menuding jari ke arah orang lain.

HEP

### Dari Meja TNC (HEP)



Y. Bhg. Dato' Profesor Dr. Hashim Yaacob

### IBUKU SIPENOREH GETAH

*Ibuku sipenoreh getah  
buta hurufnya sedari lahir  
buta angkanya sedari kecil,  
tetapi cerah matanya bagai  
bulan purnama  
terang hatinya bagaikan suria  
pagi.*

*Sibuta itulah  
yang kupanggil ibu  
orang pertama mengajarku:  
Setajam-tajam  
mata pisau torehnya,  
tajam lagi simata pena.*

• Hashim Yaacob

sambungan dari bilangan keempat

### TANGGUNGJAWAB ANAK-ANAK TERHADAP IBU BAPA

oleh: Mohd Fakhrulrazi Ibrahim

Antara kelompok yang sentiasa dilihat ialah golongan mahasiswa. Mahasiswa universiti adalah kalangan terpelajar yang bertindak sebagai umat kini dan penentu umat masa hadapan. Mereka perlu faham bahawa mereka digelar sebagai kelompok berpendidikan tinggi disebabkan faktor usaha, keringat dan tulang empat kerat ibu bapa mereka. Untuk itu, setiap ibu bapa pastinya berbangga dengan kejayaan anak-anak menjejakkan kaki di universiti dan pastinya lebih bangga apabila mereka keluar sebagai graduan yang cemerlang dalam disiplin yang telah dialami.

Setiap ibu bapa mengharapkan agar anak-anak mereka memberi tumpuan terhadap pendidikan di samping proses pembangunan diri yang baik dan membina. Untuk itu, menjadi tanggungjawab setiap anak menunaikan harapan ibu bapa dan tidak membuka ruang yang boleh menghampakan harapan keduanya. Kejayaan anak-anak menunaikan harapan ibu bapa adalah bukti kejayaan mereka berbuat baik terhadap ibu bapa mereka.

Untuk berbuat baik kepada ibu bapa, Imam Ghazali telah menggariskan dua belas panduan, iaitu:

1. Mendengar kata mereka
2. Berdiri apabila mereka berdiri kerana menghormati.
3. Taat perintah mereka selagi mereka tidak menyuruh membuat perkara-perkara yang dilarang oleh Allah S.W.T.
4. Tidak melintas di hadapan mereka, tetapi hendaklah berjalan di sisi atau di belakang kecuali atas perintah mereka untuk sesuatu maksud.

bersambung di muka surat 2



5. Tidak meninggikan suara melebihi suara mereka.
6. Menjawab panggilan mereka dengan suara yang lembut.
7. Sentiasa memelihara dan merawat apabila mereka sakit. Jangan sampai melakukan sesuatu yang melanggar keredaan mereka baik dalam sikap, perkataan atau perbuatan.
8. Merendah diri dengan sopan dan lemah lembut serta sentiasa berusaha meringankan beban mereka.
9. Tidak melakukan sesuatu kebaikan kepada mereka atas dasar membalas jasa melainkan atas dasar kewajipan demi keredaan mereka dan keredaan Allah S.W.T.
10. Tidak memandang mereka dengan menjeling, mengerling, marah atau masam muka.
11. Tidak bermuram hati apabila menghadapi wajah mereka.
12. Tidak keluar rumah sama ada jauh atau dekat kecuali dengan izin mereka.

Seorang pujangga Melayu, Raja Ali Haji dalam gurindamnya telah menyebut: "*Jika anak tidak dilatih, apabila besar bapanya letih.*" Ungkapan Raja Ali Haji diharap tidak berlaku kepada kita. Sebagai kelompok yang belajar dan bertugas di gedung ilmu, kita tidak mahu dikatakan sebagai anak yang tidak dilatih. Kita tidak mahu dianggap sebagai individu yang melitihkan keluarga sendiri. Untuk itu, hidup kita biarlah berteraskan aturan dan disiplin hidup yang baik. Kita mahukan kebahagiaan dan kesejahteraan dunia dan akhirat.

Sama-sama kita fahami ungkapan Pendeta Za'ba dalam bukunya "**Mencari Keluhuran Budi**" yang mana beliau menyebut dengan tegas, lantang dan jelas betapa segala-galanya tentang pembentukan peribadi dan pemupukan nilai hidup anak-anak bermula dari rumah.

**Za'ba berkata:** "Kita sangat marah jika dikata orang diri kita atau anak kita "kurang ajar" kerana "kurang ajar" itu bermakna bahawa emak bapa kita di rumah tidak cukup atau tidak tahu mengajar kita aturan adab perangai yang halus-halus, sebab mereka sendiri daripada bangsa yang hina, keturunan orang lucah atau hamba orang, hanya

biasa dengan kelakuan kasar atau tiada malu sahaja. Dan difahamkan kurang ajar itu maksudnya hanya kurang adab, tak tahu adat, langgar bahasa, kasar pada tingkah laku dan tiada hormat pada orang tua-tua... Pendeknya, sekalian hal yang rendah-rendah dan hina dan keji yang didapati pada tabiat dan laku perangai seseorang itu ialah berasal daripada kurang ajar, kurang didikan, kurang pelajaran dan tiada betul ajarannya terutama oleh ibu bapanya di rumah masa ia kecil-kecil dahulu kerana ibu bapa itu sendiri tiada pelajaran dan tiada tahu mengajar."

Kata-kata Za'ba adalah satu ungkapan yang perlu dinilai dengan mendalam terutama oleh anak-anak. Mereka perlu membuktikan bahawa mereka telah diberi didikan yang sempurna oleh ibu bapa. Mereka dan ibu bapa mereka bukan dari kalangan yang hina dan tidak berilmu. Sekiranya anak-anak menunjukkan sikap yang mengecewakan dan memalukan, pastinya maruah dan harga diri seluruh keluarga akan terjejas. Lantas menjadi anak-anak yang tidak bertanggungjawab terhadap diri dan ibu bapa.

Anak wajib berbuat baik terhadap ibu bapa. Sekiranya tidak, ia telah melakukan satu dosa. Peranan yang telah dibuktikan oleh ibu bapa dengan mendidik anak-anak sehingga berjaya dalam hidup adalah bukti bahawa mereka telah melaksanakan tanggungjawab mereka dengan baik. Setiap anak perlu menyoal diri dalam banyak perkara. Bersediakah anak-anak menaikan tanggungjawab untuk ibu bapa yang telah uzur? Mengapa masih berlaku ibu bapa ditempatkan di rumah jagaan orang-orang tua? Mengapa masih terdapat mahasiswa yang mengabaikan harapan ibu bapa dalam bidang pembelajaran? Mengapa masih wujud individu yang tidak tahu mendoakan ibu bapa mereka? Mengapa masih terdapat manusia yang mengabaikan sujud sembahyang, hasil tunjuk ajar ibu bapa? Mengapa masih ada anak-anak yang menengking dan mengherdik ibu bapa?

Sebagai seorang anak, kita perlu bertanya... siapakah kita dan dari manakah asal kehidupan kita? Apakah mungkin kita akan berjaya seperti hari ini tanpa ibu bapa? Kita semua adalah anak kepada seorang ibu, seorang bapa. Kita bertanggungjawab terhadap mereka.

HEP



oleh:  
Prof. Madya Said Halim  
Said Nong  
Pengetua  
Kolej Kediaman Pertama

## Mahasiswa

kau dianjak dari sumur dan kali  
dari ladang dan bendang  
ke jemburan air yang mengalir dari besi  
dan hidungmu  
kian jenih dari segala jelaga  
yang dinyahkan  
bebutir mentol seratus watt

lalu kau dihimpun  
di bawah bumbung para cendekia  
kau bersantap di dewan-dewan  
warisan para pendeta  
kau dihujani maklumat pengetahuan  
agar kau cerna  
penuh ingat, penuh hemat  
sebagai bekal ke jalan ilmu  
semoga bergunalah hidup kamu  
dan dirgahayulah para guru

mahasiswa,  
pada masa-masa begini  
kau umpama perawan  
kampung sebelum merdeka  
dilamar seorang DO  
kerana dirimu lincah jelita  
untuk dibawa menghuni  
banglo anggun di sudut pekan  
di celah-celah *bourgainvilla* dan mawar  
merah

pada detik-detik didekati  
suami tampanmu pada malam  
malam penuh gulana  
bersediakah  
dikau menghiasi cumbuan  
dengan sekadar berbekal  
sebotol bedak sejuk  
warisan nenek dan ibumu cuma.

HEP



# MAHASISWA PERLU TAHU

## BIASISWA/PINJAMAN/DERMASISWA PELAJAR



Kim biasiswa/pinjaman dan dermasiswa yang pernah ditawarkan kepada mahasiswa Universiti Malaya

1. PTPTN
2. Pinjaman Pelajaran Kerajaan Negeri Selangor
3. Pinjaman Pelajaran Yayasan Pelajaran Johor
4. Pinjaman Pelajaran Lembaga Amanah Kumpulan Wang Biasiswa Pengajian Tinggi Anak-Anak Melayu/Bukan Melayu Perak Darul Ridzuan
5. Skim Pinjaman Pelajaran Yayasan Sarawak
6. Biasiswa/Pinjaman Pelajar Kursus Ijazah Pertama Kementerian Pendidikan Malaysia
7. Biasiswa JPA
8. Biasiswa Maybank
9. Biasiswa Tan Sri Lee Loy Seng
10. Biasiswa Yayasan Tun Abdul Hamid
11. Biasiswa KLCCB
12. Biasiswa Yayasan Tenaga Nasional
13. Biasiswa Zul Rafique & Partner
14. Biasiswa NEC Semiconductions (M) Sdn Bhd
15. Biasiswa Kaneka
16. Biasiswa Sanwa Bank Foundation
17. Biasiswa Alumni Universiti Malaya

18. Biasiswa Tun Syed Nasir
19. Biasiswa Sarawak Tunku Abdul Rahman

Setiap pinjaman dan biasiswa yang dikemukakan oleh penaja kepada Bahagian Hal Ehwal Pelajar (HEP) akan dinotiskan secepat mungkin kepada mahasiswa. Apa-apa perkembangan atau makluman terbaru seperti kelulusan permohonan, temuduga, pengambilan surat tawaran, pengisian dan pembetulan borang perjanjian dan kelulusan pelanjutan pinjaman turut dinotiskan. Biarpun begitu, setiap penaja mempunyai kaedah tawarannya yang tersendiri. Menjadi tanggungjawab setiap mahasiswa meneliti notis-notis yang dikeluarkan oleh Bahagian Hal Ehwal Pelajar (HEP) dan mengambil langkah-langkah wajar dengan segera.

Sekiranya Penasihat Akademik/Pengentua/Penyelia menemui mana-mana pelajar yang masih belum memperolehi tajaan, sila minta pelajar menghubungi pegawai di Unit Biasiswa/Pinjaman iaitu **Puan Aziah Saad**,  
Tel: 79673410/3497/3375.

**HEP**



## Wise Words

He who conquers others is strong. He who conquers himself is mighty

Lao-Tzu

Sumbangan:  
Puan Rohani Ramly

3. Kajian itu dibuat **dari** sudut ekonomi.
4. Pelajar baru sampai **dari** Kuching, Sarawak.
5. Van Encik Sulaiman itu datang **dari** arah kiri.

### b. Menunjukkan waktu atau masa

1. Negara itu terkenal sejak **dari** kurun ke-18.
2. Persatuan itu sering mengadakan perjumpaan **dari** semasa ke semasa.
3. Perangainya masih tidak berubah-ubah **dari** dahulu hingga sekarang.
4. Keadaannya semakin tenat **dari** sehari ke sehari.
5. Dia betah sekali duduk bersila **dari** waktu sesudah sembahyang Isyak hinggalah menjelang dinihari.

Seringkali mahasiswa tidak dapat membezakan penggunaan antara "dari" dan "daripada" ketika menulis surat dan sebagainya.

Sumber: Dewan Bahasa dan Pustaka (DBP)  
oleh: Abdul Razak Halifa

**HEP**

## BAHASA KITA BAHASA DUNIA

### Kata Sendi nama "Dari"

Kata sendi nama "**dari**" digunakan **di hadapan kata nama** atau **frasa nama** untuk menunjukkan **tempat** atau **arah** dan **waktu** atau **masa**. Contohnya:

- a. Menunjukkan tempat atau arah
  1. Awak datang **dari** mana?
  2. Saya datang **dari** kampung.



## Kenali Warga HEP

Beliau berasal dari Rawang, Selangor. Berlatar belakang keluarga yang serba sederhana, beliau telah melanjutkan pelajaran di Universiti Malaya dalam bidang Sains (B. Sc. Hons). Kini beliau memiliki Ijazah Sarjana dalam bidang Pentadbiran Awam (MPA) dari United Kingdom. Atas minat dan usaha yang gigih, beliau telah memperolehi Ijazah Undang-Undang (LLB Hons.) dari United Kingdom dan seterusnya CLP dari Lembaga Kelayakan Profesion Undang-Undang. Beliau turut terlibat dalam Pasukan PALAPES Universiti Malaya sebagai Leftenan.

**Encik R. Ambihabathy** telah bertugas di Universiti Malaya sejak 1985 di beberapa jabatan termasuk Perjawatan, Pembangunan dan Kewangan, Fakulti Undang-Undang, Fakulti Perubatan dan kini di Bahagian Hal Ehwal Pelajar semenjak 1992. Beliau dipertanggungjawabkan dalam soal Tatatertib Pelajar, Pengangkutan dan Pembangunan Pelajar. Beliau berpegang teguh pada **ungkapan Mahatma Ghandi** seperti di bawah dan mengajak semua kakitangan/sahabat Universiti Malaya untuk sama-sama merenung ungkapan tersebut dalam konteks "Mesra Pelajar":

*"Customer is the most important visitor on our premises. He is not dependant on us. We are dependant on him. He is not an interruption on our work. He is the purpose of it. He is not an outsider on our business. He is a part of it. We are not doing him a favour by serving him. He is doing us a favour by giving us an opportunity to do so."*

HEP

## Pemimpin Persatuan Pelajar

### JTK Kolej Kediaman Kedua, UM

Saudara **Mohd Helmi bin Abu Bakar** merupakan anak kelahiran Kuala Pilah, Negeri Sembilan. Beliau kini mengikuti Kursus Kejuruteraan (Mekanik) tahun ke-3. Atas kebolehan beliau sebagai seorang penghuni kolej yang bertanggungjawab dan disenangi, maka beliau telah dipilih oleh penghuni-penghuni Kolej Kediaman Kedua sebagai **Presiden Jawatankuasa Tindakan Kolej (JTK)**, Kolej Kediaman Kedua, Universiti Malaya sesi 2001/2002.

Beliau dan ahli jawatankuasanya turut memantau aktiviti-aktiviti penghuni kolej yang dijalankan sepanjang sesi pengajian ini. Pelbagai bentuk kegiatan penghuni telah dirancang dengan melibatkan pelbagai disiplin seperti akademik, kebajikan, kemasyarakatan, kerohanian dan kesukanan. Pelbagai biro dan kelab turut diwujudkan seperti Biro Makanan, Biro Lanskap dan Keceriaan, Kelab Komputer, dan sebagainya. JTK melalui Sidang Redaksi turut berusaha menghasilkan penerbitan yang baik dan berfaedah khususnya Majalah Pemimpin, Kolej Kediaman Kedua.

HEP



Encik R. Ambihabathy



Mohd Helmi  
Abu Bakar

## Dairi HEP

17 - 21 Julai 2001

❖ Wakil UM akan menyertai **Pertandingan Debat Alam Sekitar** antara IPTA 2001 di Universiti Teknologi Mara (UiTM).

20 - 22 Julai 2001

❖ Wakil UM akan menyertai **Pesta Pantun MAKUM Rakan Muda 2001** di Universiti Sains Malaysia (USM).

21- 29 Julai 2001

❖ Konvoi sukarelawan **Operasi Khidmat Masyarakat** Negeri Selangor (Sahabat II) anjuran Kelab Motor UM di Sekinchan, Sabak Bernam.

❖ Mahasiswa Universiti Malaya menjalani **cuti pertengahan semester pertama** sesi 2001/2002

*(Manfaatkan cuti anda dengan aktiviti yang berfaedah dan membina)*

## Makluman

Sebarang penulisan membina dan iklan-iklan yang ingin dimuatkan di dalam Bicara HEP boleh dikemukakan kepada:

**Bahagian Hal Ehwal Pelajar**  
Blok E, Kompleks Perdanasiswa  
Universiti Malaya.

Untuk perhatian:  
Encik Mohd Fakhruhazi atau  
Encik Abdul Razak Halifa

Tel: 79673563 Faks: 79568611

## • • Redaksi • •

### Penasihat

Y. Bhg. Dato' Prof. Dr. Hashim Yaacob  
*Timbalan Naib Canselor (HEP)*

### Pengerak/Jawatankuasa

Puan Rohani Ramly  
Encik Mohd Fakhruhazi Ibrahim  
Encik Abdul Razak Halifa  
Encik Azim Aziz  
Encik Mohd Na'aim Muhd Noh